



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kewangan(No.2) 1981

DR.20/1981

RANG UNDANG-UNDANG

4. Seksyen 24 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang di-
sebut "Akta ini" dalam Bab ini adalah dipinda dengan
Naskhah sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan
1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976
dan membuat peruntukan-peruntukan yang bersam-
pingan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-
UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan
persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang
bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-
nya, seperti berikut:

BAB I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan
(No. 2) 1981 dan hendaklah mula berkuatkuasa atau
disifatkan telah mula berkuatkuasa seperti yang di-
peruntukkan dalam Akta ini.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai
Keuntungan Harta Tanah 1976 adalah dipinda masing-
masingnya dengan cara yang ditentukan dalam Bab-bab
II dan III.

Pindaan
Akta-Akta.
Akta 53.
Akta 169.

BAB II

PINDAAN AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Peruntukan-peruntukan Bab ini hendaklah mula
berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1982 dan tahun-
tahun taksiran seterusnya.

Mula
berkuat-
kuasa
pindaan-
pindaan
Akta
Cukai
Pendapatan
1967.

Pindaan
seksyen 6B.
Akta 53.

4. Seksyen 6B Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut "Akta ibu", dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "calculated on term loan basis" yang terdapat dalam seksyen kecil (1).

Pindaan
seksyen 54.

5. Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "Subject to section 54A" yang terdapat dalam perenggan (a) seksyen kecil (2) perkataan-perkataan "or section 54B".

Pindaan
seksyen 54A.

6. Seksyen 54A Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "for a period of twelve years of assessment" yang terdapat dalam perenggan (a) seksyen kecil (1) dengan perkataan-perkataan "for twelve years of assessment (hereinafter referred to as the exemption period) commencing from the year of assessment 1982 or in the case of a company whose first basis period ends after 31st December 1981";

(b) dengan menggantikan perkataan "ten" yang terdapat dalam perenggan (a) seksyen kecil (2) dengan perkataan "fifteen";

(c) dengan menggantikan perenggan-perenggan (e) dan (d) seksyen kecil (2) dengan perenggan-perenggan (c) dan (d) baru yang berikut:

"(c) during every four consecutive basis periods for the exempt years of assessment (hereinafter referred to as the relevant period) the company shall undertake a programme to increase the tonnage of its fleet of ships or vessels and shall for this purpose incur capital expenditure on the acquisition of ships or vessels which shall not be less than seventy-five per cent of such fleet acquisition reserve as at the end of the relevant period:

Provided that if at the end of the twelve year period where a person has incurred capital expenditure on the acquisition of ships or vessels of not less than

seventy-five per cent of the total fleet acquisition reserve, he shall be entitled to the full exemption specified in subsection (1) (a); and

(d) where at any time during a relevant period any of the conditions have not been complied with or where the Director General is of the opinion that any expenditure deemed to have been incurred has not in fact been incurred, this section shall be deemed never to have had effect for that relevant period.”; dan

(d) dengan menambahkan selepas sahaja seksyen kecil (2), seksyen kecil (3) baru yang berikut :

“(3) For the purposes of this section, capital expenditure is deemed to have been incurred—

- (i) when expenditure is made;
- (ii) on the signing of a contract for the purchase of a ship or vessel; or
- (iii) when a similar commitment is undertaken and it is proved to the satisfaction of the Director General that such commitment is for the actual purchase of a ship or vessel.”.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 54A, seksyen 54B baru yang berikut :

Seksyen 54B baru.

“Abatement of chargeable income of resident companies carrying on sea transport undertakings.

54B. (1) (a) Subject to the conditions referred to in subsection (2), a company shall have its chargeable income in respect of a business of transporting passengers or cargo by sea to which section 54 (2) (a) applies (hereinafter referred to as that business) abated by fifty per cent for twelve years of assessment (hereinafter referred to as that period) commencing from the year of assessment immediately following the expiration of its exemption period under section 54A; and

(b) as soon as any amount of the chargeable income of that business has been abated, it shall be credited to an account (that account being referred to as the exempt account) and paragraph 5 (except sub-paragraph (1) thereof) and paragraph 6 of Schedule 7A shall apply as if any reference in those paragraphs to any income exempted or which has become exempt under paragraph 3 were a reference to income credited to the exempt account.

(2) (a) The total dividend (including any dividend paid out of the exempt account) paid, credited or distributed in a basis period shall not exceed fifteen per cent of the paid up capital as at the first day of such basis period;

(b) any excess of the audited net profit for the basis period over such dividend less any tax payable for that year of assessment shall be credited to a fleet acquisition reserve which shall not be reduced other than for the purposes of paragraph (c);

(c) during that period the company shall undertake a programme to increase the tonnage of its fleet of ships or vessels and shall for this purpose incur capital expenditure on the acquisition of ships or vessels which at the end of every four consecutive basis periods (hereinafter referred to as the relevant period) shall not be less than seventy-five per cent of such fleet acquisition reserve; and

(d) where at any time during a basis period any of the conditions have not been complied with or where the Director General is of the opinion that any expenditure deemed to have been incurred has not in fact been incurred, this section shall be deemed never to have had effect for that relevant period.

(3) For the purposes of this section, capital expenditure is deemed to have been incurred—

(i) when expenditure is made;

- (ii) on the signing of a contract for the purchase of a ship or vessel; or
- (iii) when a similar commitment is undertaken and it is proved to the satisfaction of the Director General that such commitment is for the actual purchase of a ship or vessel.”.

8. Seksyen 60 Akta itu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 60.

- (a) dengan menggantikan seksyen kecil (2) dengan seksyen kecil (2) baru yang berikut:

“(2) For the purposes of this section—

- (a) subject to paragraph (b), where an insurer carries on life business in conjunction with general business, the life business and the general business shall be treated as separate insurance businesses;

- (b) (i) where an insurer carries on inward re-insurance business, the inward re-insurance business and the general business (excluding the inward re-insurance business and off-shore insurance business) shall be treated as separate general businesses;

- (ii) where an insurer carries on off-shore insurance business, the off-shore insurance business and the general business (excluding the off-shore insurance business and inward re-insurance business) shall be treated as separate general businesses.”;

- (b) dengan memasukkan selepas sahaja seksyen kecil (5A), seksyen kecil (5B) baru yang berikut:

“(5B) The adjusted income for the basis period for a year of assessment from the off-shore insurance business of an insurer resident for that basis year for that year of assessment shall consist of an amount arrived at by applying subsection (5) as if references therein to “general business” and “general

policies" were references to "off-shore insurance business" and "off-shore insurance policies" respectively.”;

(c) dengan memasukkan selepas sahaja seksyen kecil (6A) seksyen kecil (6B) baru yang berikut :

“(6B) The adjusted income for the basis period for a year of assessment from the off-shore insurance business of an insurer not resident for the basis year for that year of assessment shall, where that business is wholly or partly carried on in Malaysia, consist of an amount arrived at by applying subsection (6) as if references therein to “general business” and “Malaysian general policies” were references to “off-shore insurance business” and “off-shore insurance policies” respectively.”;

(d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “or (6A)” yang terdapat dalam proviso kepada seksyen kecil (7) dengan perkataan-perkataan “, (6A) or (6B)”;

(e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “and in section 60A” yang terdapat dalam seksyen kecil (11) dengan perkataan-perkataan “, section 60A and section 60B”; dan

(f) dengan menggantikan noktah pada penghujung takrif ““Malaysian general policy” dan “Malaysia life policy”” dalam seksyen kecil (11) dengan koma bernoktah, dan dengan menambahkan selepas sahaja itu takrif-takrif baru yang berikut :

“ “off-shore insurance” means insurance of a risk under a general policy where the risk is outside Malaysia and the policy of insurance is issued by an insurer resident in Malaysia or by a branch in Malaysia of an insurer not resident in Malaysia, and where any risk is in transit in Malaysia it shall be deemed to be outside Malaysia;

“off-shore insurance policies” means policies issued in respect of off-shore insurance.”.

9. Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 60A, seksyen 60B baru yang berikut:

"Off-shore insurance: chargeable income, reduced rate and exempt dividend.

60B. (1) (a) Where an insurer carries on off-shore insurance business in conjunction with other insurance businesses, the part of the chargeable income for a year of assessment which is attributable to that off-shore insurance business shall consist of an amount which bears the same proportion to the chargeable income for that year of assessment of the insurer as the part of the aggregate income which relates to the off-shore insurance business bears to the whole of the aggregate income for that year of assessment from all sources of the insurer; and

(b) the amount arrived at under paragraph (a) shall be treated as the chargeable income for a year of assessment of an insurer from off-shore insurance business for the purposes of paragraph 3 of Part I of Schedule 1.

(2) As soon as any amount of chargeable income from the off-shore insurance business of an insurer (being a company) resident for the basis year for a year of assessment has been subject to income tax at the rate of five per cent—

(a) the net amount of that income (after deduction of such tax) shall be credited to an account (that account and company being referred to as the exempt account and the relevant company respectively); and

Seksyen 60B baru dan menombor semula seksyen 60B sebagai seksyen 60C.

(b) paragraph 5 (except subparagraph (1) thereof) and paragraph 6 of Schedule 7A shall apply as if any reference in those paragraphs to any income exempted or which has become exempt under paragraph 3 were a reference to income credited to the exempt account.”; dan

(b) dengan menomborkan semula seksyen 60B yang sedia ada sebagai seksyen 60C.

Pindaan
seksyen
103.

10. Seksyen 103 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen (5A) dengan seksyen kecil (5A) baru yang berikut :

“(5A) Where the tax due and payable has been increased under subsection (4) or (5) any balance remaining unpaid upon expiration of sixty days from the date of such increase shall without any further notice being served be further increased by a sum equal to five per cent of the balance unpaid, and that sum shall be recoverable as if it were tax due and payable under this Act.”.

Pindaan
Jadual 1.

11. Bahagian I Jadual 1 kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “inward re-insurance business” yang terdapat dalam perenggan 3 perkataan-perkataan “or off-shore insurance business”.

Pindaan
Jadual 6.

12. Perenggan 33 Bahagian I Jadual 6 kepada Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan-perkataan “carrying on the business of banking” yang terdapat selepas perkataan-perkataan “for a year of assessment”; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “credited by any person” perkataan-perkataan “(whether the same person or not)”.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN
HARTA TANAH 1976

13. (1) Kecuali bagi perenggan (i) seksyen 14 peruntukan-peruntukan Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 23hb Oktober 1981.

Mula
berkuat-
kuasa
Akta Cukai
Keuntungan
Harta
Tahun 1976.

(2) Perenggan (i) seksyen 14 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 7hb November 1975.

14. Jadual 2 kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda—

Pindaan
Jadual 2.
Akta 169.

(a) dengan memotong perkataan-perkataan "(termasuk perolehan secara paksa di bawah mana-mana undang-undang)" yang terdapat dalam perenggan 2;

(b) dengan memasukkan perkataan-perkataan "pemindahmilikan aset di antara suami-isteri atau" sebelum sahaja perkataan-perkataan "pemindahmilikan aset" yang terdapat dalam perenggan kecil (b) perenggan 3;

(c) dengan menggantikan bagi noktah yang terdapat pada penghujung perenggan kecil (e) perenggan 3 dengan perkataan "; atau";

(d) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan kecil (e) perenggan 3, perenggan kecil (f) baru yang berikut:

"(f) pelupusan aset akibat daripada pengambil secara paksa di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.";

(e) dengan menggantikan bagi noktah yang terdapat pada penghujung perenggan kecil (d) perenggan 9 dengan perkataan "; atau";

(f) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan kecil (d) perenggan 9, perenggan kecil (e) baru yang berikut:

"(e) jika seksyen 25 (2) terpakai.";

- (g) dengan menggantikan perenggan kecil (1) perenggan 17 dengan perenggan kecil (1) baru yang berikut:

“(1) Tertakluk kepada perenggan ini, jika dengan kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah—

(a) sesuatu aset dipindahmilik antara syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama untuk menambah kecukupan dalam perjalanan bagi suatu balasan terdiri daripada syer-syer dalam syarikat itu atau sebahagian besarnya daripada syer-syer dalam syarikat itu dan bakinya dengan bayaran wang;

(b) sesuatu aset dipindahmilik bagi apa-apa balasan antara syarikat-syarikat di dalam apa-apa skim penubuhan semula, penyusunan semula atau pencantuman; atau

(c) sesuatu aset yang dibahagi oleh likuidator syarikat dan likuidasi syarikat itu dibuat di bawah skim penubuhan semula, penyusunan semula atau pencantuman;

dan syarikat penerima pindahmilik bermastautin di Malaysia, pindahmilikan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu pelupusan atas mana syarikat pemindahmilik atau likuidator tidak menerima apa-apa keuntungan dan tidak menanggung apa-apa kerugian:

Dengan syarat bahawa tiada kelulusan boleh diberi bagi apa-apa pindahmilik atau pembahagian aset dalam apa-apa skim di bawah perenggan kecil (1) (b) atau (1) (c) melainkan Ketua Pengarah berpuashati aset itu dipindahmilik kepada sesuatu syarikat yang bermastautin dalam Malaysia untuk melaksanakan apa-apa skim yang berkaitan secara langsung dengan apa-apa pindahmilik atau pembahagian kepunyaan aset dalam Malaysia dengan mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian.”;

- (h) dengan menggantikan perenggan kecil (5) perenggan 19 dengan perenggan (5) baru yang berikut—

“(5) Jika sesuatu aset yang telah dipindah-milik di bawah perenggan 3 (b) telah kemudiannya dilupuskan oleh suami/isteri atau syarikat itu, pelupus itu hendaklah disifatkan sebagai telah memperolehi aset itu dengan harga perolehan bersamaan dengan harga perolehan yang dibayar oleh pemindahmilik termasuk perbelanjaan yang dibenar yang dilakukan oleh pemindahmilik atau, jika aset itu diperolehi oleh pemindahmilik sebelum 1hb Januari 1970, nilai pasaran aset itu pada 1hb Januari 1970 termasuk perbelanjaan yang dibenar yang dilakukan oleh pemindahmilik mulai dari 1hb Januari 1970 ditolak jumlah-wang dari jenis yang disebut dalam perenggan 4 (1) (a), (b) atau (c) yang diterima oleh atau dilucuthak, mengikut mana yang berkenaan, kepada pemindahmilik mulai dari 1hb Januari 1970;” dan

- (i) dengan menggantikan perkataan-perkataan “bayaran pendahuluan sebagaimana ditetapkan dalam perjanjian)” dalam perenggan kecil (3) perenggan 24 perkataan-perkataan “bayaran pendahuluan) sebagaimana ditetapkan dalam perjanjian”.

15. Bahagian I Jadual 5 kepada Akta ibu adalah di-

**Pindaan
Jadual 5.**

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “atau kemudian daripadanya” yang terdapat selepas perkataan-perkataan “pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai”; dan

- (b) dengan memasukkan pada penghujung Bahagian itu dengan yang berikut:

“Pelupusan dalam tahun ketujuh selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai atau kemudian daripadanya Tiada”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 bagi maksud-maksud yang dinyatakan di bawah.

BAHAGIAN I

2. Bab I Rang Undang-undang ini mengandungi perkara-perkara permulaan.

BAHAGIAN II

3. Bab II Rang Undang-undang ini mengandungi pindaan-pindaan yang hendak dibuat kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut sebagai "Akta" dalam Bahagian ini. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 6B Akta untuk meluaskan makna pinjaman supaya termasuk overdraf.

4. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 54A Akta supaya syarat berkenaan pengambilan kumpulan kapal dilonggarkan. Pada mulanya sesuatu syarikat pemastautin yang menjalankan urusan pengangkutan laut boleh layak dikecualikan bagi dua belas tahun genap jika ia telah memenuhi syarat itu. Jika ia tidak memenuhi syarat itu pada akhir dua belas tahun itu pengecualian itu ditarik balik. Pindaan ini memperuntukkan pembahagian tempoh dua belas tahun itu kepada tiga tempoh empat tahun yang sama di mana sesuatu syarikat boleh layak dikecualikan dalam mana-mana satu atau lebih ketiga-tiga tempoh itu dan jika ia tidak layak dikecualikan dari mana-mana satu atau lebih dari tempoh tersebut, ia masih boleh layak dikecualikan bagi tempoh atau tempoh-tempoh di mana syarat itu telah dipenuhi. Selanjutnya, pindaan memperuntukkan bagi syarikat itu untuk berterusan dilayakkan bagi dua belas tahun genap jika dalam perkiraan tempoh dua belas tahun penuh itu syarikat itu telah membelanjakan tidak kurang daripada 75 peratus daripada rizab pemerolehan kumpulan kapal bagi pemerolehan kapal-kapal dan vesel-vesel. Pindaan juga memperuntukkan bagi dividen dikecuali cukai 10 peratus dinaikan kepada 15 peratus. Pindaan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tahun taksiran 1982.

5. *Fasal 7* mengandungi seksyen 54B yang dicadangkan kepada Akta yang mengadakan pengurangan 50 peratus daripada pendapatan bercukai syarikat-syarikat pemastautin yang menjalankan urusan pengangkutan laut jika syarikat-syarikat itu boleh mematuhi syarat-syarat yang sama dengan yang ada dalam seksyen 54A. Syarikat-syarikat itu boleh layak bagi pengurangan tempoh dua belas tahun mulai daripada tahun taksiran selepas sahaja tempoh pengecualian di bawah seksyen 54A tamat. Bagi maksud-maksud pengurangan tempoh dua belas tahun itu hendaklah dibahagi kepada tiga tempoh empat tahun yang sama. Pindaan itu selanjutnya memperuntukkan bahawa pendapatan bercukai yang dikurangkan hendaklah dikreditkan ke suatu akaun dikecualikan

dan dividen yang dibayar keluar daripada akaun dikecualikan adalah dikecualikan bagi pemegang-pemegang syer. Akaun dikecualikan dan dividen dikecualikan adalah diuruskan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 5 dan 6 Jadual 7A Akta. *Fasal 5* adalah pindaan berbangkit kesan daripada seksyen 54B yang dicadangkan.

6. *Fasal 8* bertujuan meminda Akta bagi memperuntukkan perniagaan insuran luar pantai untuk dianggap sebagai perniagaan insuran am berasingan dan bagi cara yang akan digunakan bagi mencapai pendapatan larasan dari perniagaan insuran luar pantai dan selanjutnya memperuntukkan tafsiran bagi "perniagaan insuran luar pantai" dan "polisi insuran luar pantai". *Fasal 9* mengandungi seksyen 60B baru yang dicadangkan dan menomborkan semula seksyen 60B sekarang sebagai seksyen 60C untuk memperuntukkan cara untuk digunakan bagi mencapai pendapatan bercukai bagi suatu tahun taksiran yang berkaitan dengan perniagaan insuran luar pantai yang dikenakan kadar cukai berkurangan sebanyak 5 peratus (*fasal 11*). Ia selanjutnya memperuntukkan bahawa amaun bersih pendapatan bercukai yang berkaitan dengan perniagaan insuran luar pantai (selepas potongan cukai lima peratus) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun dikecualikan dan dividen yang dibayar keluar dari akaun dikecualikan itu adalah dikecualikan bagi pemegang-pemegang syer. Akaun dikecualikan dan dividen dikecualikan adalah diuruskan dengan cara yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan 5 dan 6 Jadual 7A Akta.

7. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen kecil (5A) seksyen 103 Akta di mana penalti bayaran lambat sebanyak lima peratus dikenakan ke atas baki cukai belum dibayar pada akhir tempoh enam puluh hari selepas dikenakan penalti sepuluh peratus di bawah seksyen kecil (4). Cara mengenakan penalti satu peratus ke atas baki cukai belum dibayar pada akhir tempoh tiap-tiap tiga puluh hari tertakluk kepada maximum lima kali adalah dengan ini dimansuhkan.

8. *Fasal 12* bertujuan meminda Bahagian I Jadual 6 Akta untuk memperuntukkan pengecualian ke atas faedah yang diterima oleh bukan pemastautin yang mendeposit wang ke dalam bank di Malaysia dan juga memperuntukkan pengecualian faedah antara cawangan bagi bank-bank bukan pemastautin.

BAHAGIAN III

9. Bab III kepada Rang Undang-undang ini mengandungi pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang mana disebut sebagai "Akta" dalam Bahagian ini.

10. *Fasal 14 (a)* dan *Fasal 14 (d)* bertujuan meminda perenggan 2 dan 3 Jadual 2 Akta di mana keuntungan yang diperolehi daripada pengambilan tanah secara paksa di bawah mana-mana undang-undang adalah tidak tertakluk kepada cukai di bawah Akta.

11. *Fasal 14 (c)* bertujuan meminda perenggan 3 Jadual 2 Akta memperuntukkan bagi pengecualian keuntungan mengenai pindah-milik aset di antara suami-isteri. *Fasal 14 (h)* adalah pindaan yang berbangkit.
12. *Fasal 14 (f)* bertujuan meminda perenggan kecil (d) perenggan 9 Jadual 2 Akta bagi memperuntukkan Ketua Pengarah kuasa menggantikan nilai pasaran harga lupusan dalam sesuatu transaksi di mana Ketua Pengarah, oleh kerana sebab-sebab yang dinyatakan dalam seksyen kecil 2 seksyen 25 Akta, adalah tidak berpuashati dengan harga lupusan itu.
13. *Fasal 14 (g)* bertujuan meminda perenggan kecil (1) perenggan 17 Jadual 2 Akta untuk meluaskan skop pengecualian bagi apa-apa balasan (sama ada dalam bentuk syer atau tunai) dan juga bagi pembahagian aset akibat likuidasi menurut mana-mana skim penubuhan semula, penyusunan semula atau pencantuman yang mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal.
14. *Fasal 15 (b)* bertujuan meminda Bahagian I Jadual 5 Akta. Tiada cukai boleh dikenakan ke atas keuntungan kena cukai kesan daripada pelupusan aset yang dipegang oleh pelupus lebih daripada enam tahun.
15. *Fasal 14 (c), 14 (e), 14 (i) dan 15 (a)* adalah pindaan berbangkit atau untuk membetulkan kesilapan-kesilapan kecil tertentu dalam Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1136.]